

*JARINGAN SISTEM PENGANGKUTAN ANTARA KULIM DENGAN LONDON,
UNITED KINGDOM (U.K)*



Penghargaan

Assalamualaikum saya dahulukan., saya Solahuddin Bin Ayob, 930509-02-5771, KL013 K075, ingin mengucapkan rasa bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, saya dapat menjalankan kerja kursus Geografi ini dengan jayanya.

Sekalung budi dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada mereka yang banyak membantu saya sepanjang kajian dijalankan. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Baling, Tuan Haji Yahya Bin Lebai Mat kerana memberi keizinan dan membuka ruang dan peluang untuk saya menjalankan kerja kursus ini.

Tidak dilupakan juga guru Geografi saya Puan Noraini Binti Salim di atas bimbingan dan tunjuk ajar beliau sehingga saya dapat menghasilkan kerja kursus dengan sempurna.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa saya, Encik Ayob Bin Hussin dan Puan Norlaila Binti Abdul Malek yang memberi sokongan dan dorongan, disamping memberi kebenaran dan kepercayaan kepada saya untuk menjalankan kajian serta telah membiayai segala perbelanjaan saya sepanjang menjalankan kajian ini sehingga selesai. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak memberi maklumat dalam menjalankan kajian.

Akhir kata penutup bicara, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perlaksanaan kerja kursus Geografi ini sehingga lengkap dan sempurna.

Pendahuluan

Nama saya Solahuddin Bin Ayob. Saya belajar di tingkatan 3 Uthman di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Baling. Sebagai memenuhi keperluan mata pelajaran Geografi, saya diwajibkan membuat satu kerja lapangan iaitu kerja kursus Geografi yang bertajuk Jaringan Sistem Pengangkutan Antara Kulim Dengan London. Saya telah menjalankan kerja kursus ini selama 8 minggu.

Saya telah memilih tajuk Jaringan Sistem Pengangkutan di Kulim. Negara yang dibandingkan ialah United Kingdom. Sebab-sebab pemilihan adalah kerana terdapat pelbagai perbandingan antara Kulim dengan London, U.K. Pertama, Kulim merupakan sebuah Bandar berteknologi tinggi dan pusat perindustrian yang sedang maju dan memerlukan sistem jaringan pengangkutan yang cekap dan canggih. Tambahan pula suatu ketika nanti bandar Kulim akan lebih maju dan menjadi bandaraya moden dan ini memerlukan sistem pengangkutan yang moden yang dapat menyokong potensi Bandar ini ke arah bandar perindustrian yang moden. Sistem pengangkutan di London dipilih sebagai bandar perbandingan kerana London mempunyai pelbagai jenis pengangkutan dan sistem jaringan pengangkutan yang maju dan canggih.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti dengan lebih mendalam jenis-jenis sistem pengangkutan yang terdapat di Kulim dan mewujudkan semangat cinta akan negara.
2. Mengkaji faktor-faktor yang dapat mempengaruhi jaringan sistem pengangkutan di Kulim, kerana faktor ini boleh membantu mendorong kemajuan sistem pengangkutan di sini.

3. Mengkaji kepentingan jaringan sistem pengangkutan di Kulim.
4. Mengkaji kesan-kesan perkembangan jaringan sistem pengangkutan terhadap alam sekitar dan pembangunan Bandar Kulim
5. Melihat perbezaan jaringan sistem pengangkutan di London yang canggih dan lengkap dengan perkembangan jaringan sistem pengangkutan di Kulim, Kedah.
6. Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian masalah-masalah di kawasan kajian saya

Kawasan Kajian

Dalam kajian ini, saya telah memilih kawasan Kulim sebagai kawasan kajian. **Kulim** merupakan salah satu daripada daerah dalam negeri Kedah Darul Aman, Malaysia. Ia ditadbir oleh Majlis Perbandaran Kulim. Tempat-tempat di Daerah Kulim ialah Karangan, Kelang Lama, Kulim (Bandar), Padang Serai, Lunas, Taman Teknologi Tinggi Kulim dan Mukim Keladi.

Kawasan ini menarik kerana merupakan kawasan yang pelbagai bentuk muka buminya terdapat tanah yang rata dan luas, kawasan tanah pamah dan paya dan kawasan

berbukit dan sungai,. Contohnya terdapat arus ketiga deras di dunia iaitu Sedim berhampiran Kulim.

Sejarahnya, Daerah Kulim dipercayai dibuka dan didiami sejak pertengahan abad ke 18 lagi iaitu dengan jumlah 100 orang yang berasal dari keturunan Melayu Pattani. Menjelang pertengahan abad ke 19 Kulim telah menjadi tumpuan kerana penemuan hasil bijih timah. Pada tahun 1890 terdapat 400 pelombong Cina beroperasi di Kulim. Antara kawasan terawal pembukaan Daerah Kulim ialah di Belakang Tebok.

Sekarang di kawasan ini turut membangun dengan pesat seperti Penubuhan Taman Teknologi Tinggi Kulim (atau Kulim Hi-Tech Park) diharap dapat mencetuskan pembangunan pesat di Kulim. Faktor-faktor ini banyak menyumbang kepada jaringan sistem pengangkutan bandar Kulim. Selain itu kawasan penempatan pesat membangun banyak taman perumahan dibina sehinggakan penduduk bandar Kulim bertambah kepada 150 000 orang pada tahun 2007.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang telah saya gunakan ialah

- 1) Kaedah pemerhatian
 - ❖ selama menjalankan tugas ini, saya telah membuat pemerhatian jumlah dan jenis-jenis pengangkutan di Kulim.

- 2) Rujukan Internet,
 - ❖ saya telah membuat beberapa rujukan di Internet,

- <http://kulimtown.blogspot.com/2008/02/sejarah-pekan-kulim-malay-version.html>
- ❖ Rujukan Buku
 - Geografi, Masteri memori PMR PNI Neuron, Selangor, 2008

□ □ Temubual

- ❖ merujuk orang rujukan guru Geografi saya, Puan Noraini bagi mendapatkan lagi maklumat dengan lebih terperinci
- ❖ Saya telah menemu bual 30 orang responden yang terdiri daripada pelbagai kaum. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah seperti di dalam lampiran.

Dapatan Kajian

Pengangkutan di Malaysia memainkan peranan penting kerana merapatkan perhubungan antara kawasan-kawasan dalam negara, antara negara-negara di benua Asia dan antara negara-negara Asia dengan negara-negara lain. Faktor-faktor yang mempengaruhi pembinaan jalan raya ialah bentuk muka bumi, kegiatan ekonomi, bandar-bandar besar, dan kepadatan penduduk .

Pada masa kini terdapat pelbagai jaringan sistem pengangkutan yang moden seperti jalan raya, jalan kereta api, jalan laut dan sungai dan udara. Kenderaan

pengangkutan yang biasa digunakan ialah kereta, bas, lori, kapal laut, kereta api, kapal terbang dan bot.

Jenis pengangkutan utama di Kulim ialah Jalan raya. Jalan utama sistem pengangkutan di sini ialah Lebuhraya dan jalan raya seperti jalan raya persekutuan dan jalan desa di Kulim. Jaringan jalan raya di Kulim adalah padat manakala jalan desa kurang. Jalan raya dan jalan desa saling berhubung antara satu sama lain. Kulim juga mempunyai rangkaian jalan raya yang agak luas. Lebuhraya Butterworth-Kulim menghubungkan Kulim dengan Pulau Pinang di utara dan bandar-bandar di sekitarnya. Terdapat dua susur keluar ke Kulim melalui Lunas atau Kubang Semang. Lebuhraya Butterworth Kulim (BKE) yang menghubungkan Butterworth dan Kulim dapat memendekkan jarak dan kawasan perindustrian di Kulim dapat dihubungkan ke pelabuhan Pulau Pinang dengan mudah.

Selain itu pengangkutan awam utama di sini ialah bas. Kulim mempunyai stesen bas yang agak besar dan selesa iaitu Stesen Bas Kulim. Stesen Bas Kulim mempunyai dua terminal, terminal domestik dan terminal antarabandar. Stesen Bas Kulim dianggap unik kerana berhadapan dengan sebuah tasik buatan manusia yang indah dan kini dijadikan taman sekitarnya.

Penggunaan kenderaan di jalan raya semakin bertambah. Berdasarkan pemerhatian saya selama 2 jam saya dapati kenderaan yang menggunakan jalan raya di Padang Serai - Kulim pesat. Berikut adalah dapatan kajian saya jenis kenderaan yang banyak menggunakan jalan raya di sini ialah kereta, motorsikal, Pacuan empat roda, van bas dan lori.

Jadual 1 : Jadual bilangan dan jenis kenderaan yang menggunakan Jalan Padang Serai di Kulim dari jam 9.30 pagi hingga jam 10.30 pagi.

BIL	JENIS KENDERAAN	MASA			JUMLAH
		9.30 – 9.50	9.50 – 10.10	10.10– 10.30	
1	KERETA	25	47	53	125
2	MOTOSIKAL	28	29	34	91
3	PACUAN EMPAT RODA	12	12	18	42
4	VAN	10	15	9	34
5	BAS DAN LORI	14	14	18	46
	JUMLAH	89		117	338

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Jaringan Sistem Pengangkutan

Faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan sistem pengangkutan di Kulim ialah bentuk muka bumi, kegiatan ekonomi, bandar-bandar besar dan kepadatan penduduk.

Faktor pertama ialah, bentuk muka bumi. Muka bumi Kulim di sesetengah kawasan adalah rata dan luas. Hal ini membolehkan jalan raya dibina dengan mudah. Di sini juga terdapat Lebuhraya Kulim Butterworth (BKE). Lebuhraya ini dapat meningkatkan darjah ketersampaian. Lebuhraya ini juga menghubungkan Lebuhraya

Utara Selatan yang merupakan lebuh raya utama di Malaysia yang telah tersenarai sebagai sebahagian daripada laluan Rangkaian Lebuh Raya Asia.

Faktor yang kedua ialah kegiatan ekonomi. Perkembangan ekonomi yang pesat di Kulim menyebabkan pembinaan jalan raya dan lebuh raya. Kulim merupakan kawasan perindustrian yang pesat selepas Pulau Pinang yang terkenal dengan industri teknologi tinggi, industri pertanian, perladangan dan perniagaan. Industri desa juga turut dijalankan di sini. Taman Teknologi Tinggi Kulim atau (Kulim Hi-Tech Park - KHTP) merupakan sebuah taman teknologi di Malaysia yang dibangunkan secara bersama oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kedah. Taman ini telah dirancang dan direkabentuk dengan teliti dengan bantuan Japan International Cooperation Agency (JICA), sebuah organisasi yang luas pengalaman dalam pembangunan industri.

Infrastuktur fasa pertama taman ini seluas 250 hektar telah di siapkan pada tahun 1994. Keseluruhan taman teknologi ini seluas 1,450 hektar telah dirancang dengan kerangka persekitaran bagi memenuhi aktiviti teknologi tinggi pembuatan, latihan dan R&D bagi memenuhi cara hidup moden yang sihat. Kegiatan ini mewujudkan jaringan pengangkutan seperti jalan desa, jalan raya, dan juga lebuh raya. Kepentingan pusat industri ini dihubung terus dengan Pulau Pinang yang menjadi pusat industri dan pelabuhan yang memudahkan bawa keluar dan masuk hasil industri. Kekayaan hasil bumi pertanian di sekitar Kulim juga menjadi sumber bahan mentah industri terutama yang berasaskan kayu kayan.

Faktor ketiga ialah kepadatan penduduk. Bandar Kulim asalnya merupakan kawasan penempatan yang kecil pada era 1950-an. Kini ia merupakan tempat yang maju

dengan kawasan-kawasan industri yang terletak di sekitar Bandar Kulim. Dengan ini kepadatan penduduk semakin bertambah kini penduduknya berjumlah 150,000 orang (tahun 2007), Kepadatan penduduk semakin pesat dengan bertambahnya jumlah Kawasan Kejiranan di Bandar Kulim. Terdapat banyak taman-taman perumahan yang dibuka di sekitar Bandar Kulim. Antara kawasan taman perumahan yang terbesar ialah Taman Selasih yang lengkap dengan pusat komersialnya tersendiri. Kawasan kejiranan lain ialah Bukit Keranji, Bukit Kulim, Kampung Air Merah, Kampung Darul Aman , Kampung Syed Syeh, Kampung Tunku Putra, Keladi, Kelang Lama, Taman Bersatu, Taman Dahlia, Taman Kempas Indah , Taman Kemuning, Taman Semarak dan Taman Seroja. Bertambahnya kawasan penempatan penduduk bertambahlah rangkaian jalan raya. Kemajuan dalam pembinaan jalan raya dan perluasan rangkaian jalan raya, ditambah pula dengan peningkatan penduduk telah menjurus kepada peningkatan pemilikan kenderaan bermotor.

Faktor keempat yang tidak kurang pentingnya ialah kedudukan bandar Kulim yang berhampiran bandar penting yang lain. Bandar Kulim terletak di kawasan tenggara negeri Kedah dan terletak berdekatan dengan sempadan negeri Pulau Pinang yang terletak di barat. Tambahan pula Kulim bersempadan dengan kawasan Perak Utara, yang akan dibangunkan dengan menggabungkan kawasan perindustrian di Pulau Pinang dan Kulim, Kedah menerusi inisiatif pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Ini dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika mengumumkannya bahawa kerajaan tidak akan membiarkan kawasan Perak Utara begitu saja ketika banyak pelabur asing lebih tertumpu di Pulau Pinang dan Kulim High-Tech Park. Sime Darby dilantik kerajaan bagi menerajui inisiatif pembangunan itu yang

membabitkan kawasan seluas 2.4 juta hektar dari Perlis hingga ke utara Perak.. Situasi ini juga mempengaruhi jaringan system pengangkutan Kulim.



Rajah menunjukkan jalan perhubungan bandar Kulim dengan bandar-bandar penting berhampiran

Penduduk Kulim patut rasa bersyukur dan rasa berpuas hati dengan kurniaan yang telah diberikan oleh Maha Pencipta yang telah memberikan bentuk muka bumi yang unik yang membolehkan pembinaan sistem jalan raya yang lebih moden dan lebuh raya yang mungkin akan setanding dengan London, England suatu ketika nanti, ini merujuk kepada

kepentingan kawasan sekitar, kepadatan penduduk dan kedudukan bandar-bandar penting berhampiran.

KEPENTINGAN

Antara kepentingan jaringan sistem pengangkutan di Kulim ialah dapat memajukan kawasan perindustrian ini dakan menarik lebih ramai pelabur kerana kawasan ini mudah dihubungkan dengan tempat lain. Ia juga dapat memajukan sektor pelancongan. Ketersampaian yang tinggi melalui jalan desa dan jalan raya dapat menarik lebih ramai pelancong tidak kira dari dalam negara atau luar negara yang suka melawat tempat-tempat yang menarik dan sunyi seperti Hutan Lipur Bukit Hijau, Pusat Reakrasi Arus Deras Lata Sedim, Lata Bayu dan lain-lain lagi. Jaringan sistem perhubungan yang sempurna dan mudah dapat menarik lebih ramai pelancong.

Jaringan pengangkutan di London juga dapat menarik bilangan pelancongan yang ramai. Pelancong dapat melawat empat Tapak Warisan Dunia. Pelancong juga dapat memilih kenderaan yang ada di sana seperti bas dua tingkat (Double Decker), bas tanpa bumbung, berjalan kaki, atau mengikuti 'cruise' sungai Themes dan banyak lagi.

Jaringan sistem pengangkutan negara kita yang baik dapat membantu pergerakan penduduk dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Lebuhraya Utara-Selatan mempercepatkan pergerakan penduduk dari Kulim ke Kuala Lumpur ataupun ke utara.

Berbanding dengan London, sistem pengangkutan yang canggih dapat mengurangkan penggunaan kenderaan sendiri dengan menggunakan bas awam.

Sebagai rakyat Malaysia, kita patut rasa bersyukur dengan jaringan sistem pengangkutan yang baik dapat menarik pelancong untuk membangunkan negara kita walaupun tidak semaju London.

Kesan

Berlaku pencemaran udara yang agak teruk kerana kadar pelepasan asap terutama dari kenderaan yang menggunakan minyak diesel seperti bas, lori, van dan jentera berat. Selain pencemaran, penggunaan kenderaan persendirian yang kian meningkat mengakibatkan masalah kesesakan lalu lintas dan bertambahnya jumlah kemalangan jalan raya dan ini telah menyebabkan langkah-langkah perlu diambil bagi mewujudkan sistem pengangkutan bandar yang lebih cekap.

Jaringan sistem pengangkutan yang berkembang dapat meningkatkan tahap ketersampaian di petempatan-petempatan pedalaman dengan Bandar. Kesan lain ialah memudahkan pergerakan penduduk dan hasil pertanian dari kawasan pedalaman ke Bandar dengan cepat dan dapat mengangkut barangan pukal dan kontena dengan jarak yang jauh.

Perkembangan kegiatan ekonomi semakin pesat dengan kegiatan industri yang baik dan lancar. Kepadatan penduduk semakin bertambah kerana peluang pekerjaan yang terbuka luas dan sistem perumahan perlu dinaikkan taraf.

Langkah-langkah

Langkah-langkah penyelesaian boleh diambil dengan menggunakan penggunaan alat *catalytic converter*. Alat ini dipasang pada eksos kenderaan. Alat ini akan menapis asap kenderaan yang boleh mengurangkan pencemaran udara. Alat ini turut digunakan oleh kenderaan-kenderaan di London untuk mengurangkan pencemaran udara. Penggunaan alat ini memang berkesan.

Langkah yang keduanya ialah penggunaan petrol tanpa plumbum. Cara ini telah digunakan di Kulim. Walaupun mahal tetapi ia tetap digunakan untuk menjaga kualiti udara di Kulim. Keadaan yang sama turut digunakan di London.


Tugas menjaga kualiti udara adalah tanggungjawab semua pihak termasuk penduduk di Kulim dan London. Ini membolehkan generasi akan datang mencintai negara Malaysia kerana mempunyai kualiti udara yang bersih.

Kita sepatutnya berkongsi kenderaan atau menggunakan kenderaan awam seperti bandaraya London kerana disamping dapat memelihara alam sekitar daripada dicemari oleh asap, debu dan habuk, kita dapat menjimatkan perbelanjaan seharian. Kita patut mencontohi London kerana sebahagian besar penduduknya menggunakan kenderaan awam. Kemajuan teknologinya juga dapat mengawal kadar pelepasan asap dari kenderaan

Kerajaan perlulah memberi tumpuan bagi meningkatkan perkembangan sistem pengangkutan awam yang cekap dan bersepadu.

Selain itu, pendekatan perlu diambil bagi meningkatkan kualiti, kecekapan dan kebolehan percayaan perkhidmatan bas dan teksi, di antaranya ialah penggabungan syarikat-syarikat pengangkutan, merasionalisasikan laluan, menyediakan kemudahan sokongan seperti terminal, depot, papan tanda dan sistem maklumat laluan. Bagi melengkapkan sistem

pengangkutan di antara bandar, perkhidmatan rel turut dikembangkan sebagai alternatif kepada sistem komuter wilayah. Ini termasuklah perkhidmatan komuter KTM bagi operasi di antara wilayah serta LRT I dan LRT II bagi operasi di kawasan metropolitan.



Rumusan

Hasil daripada kajian yang telah saya jalankan menunjukkan bahawa kawasan ini mempunyai banyak sistem pengangkutan yang amat berguna kepada masyarakat setempat. Pengangkutan amat diperlukan bagi menjalankan kerja seharian ataupun urusan yang perlu dilakukan di luar

tempat.

Daripada kajian yang saya jalankan di Kulim dengan mengikut usia dan dengan kerjasama 30 orang responden, saya dapati kebanyakan orang dewasa memiliki pengangkutan persendirian untuk pergi bekerja di luar tempat selain dari Kulim. Masyarakat setempat lebih akrab menggunakan pengangkutan persendirian berbanding pengangkutan awam, bagaimanapun, pengangkutan awam masih digunakan dan kebanyakan penggunaannya adalah daripada kalangan remaja.

Faktor yang mempengaruhi jaringan sistem pengangkutan yang terdapat di kawasan Kulim adalah seperti bentuk muka bumi yang rata dan dasar pembangunan. Penduduk kawasan kajian ini hidup dalam keadaan harmoni dan saling membantu antara satu sama lain. Ini menunjukkan rakyat Malaysia dapat bersama dan bersatu padu dalam satu Negara yang aman damai seterusnya dapat menuju ke arah wawasan 2020. Ini adalah peringkat pertama bagi memajukan Negara kita supaya setaraf dengan Negara maju lain yang terkenal dan selalu disebut-sebut oleh semua orang seperti Negara yang dibandingkan iaitu U.K. Walaubagaimanapun, saya tetap berbangga menjadi rakyat Malaysia dan dapat tinggal di atas bumi yang bertuah ini

Lampiran

Borang temu bual

Umur:-

Pekerjaan:-

Jenis kenderaan yang digunakan ke tempat kerja:-

1 Apakah perasaan anda apabila menaiki sesebuah kenderaan ke tempat kerja:-


Selesa	Baik	Kurang selesa

2 Apakah komen anda terhadap sistem pengangkutan di Malaysia ?

3 Berapa jamkah perjalanan yang diambil oleh anda untuk ke tempat kerja anda?

4 Jika anda menggunakan bas untuk ke tempat kerja, berapakah bayaran yang dikenakan kepada anda?

5 Berdasarkan penggunaan pengangkutan awam yang terdapat di Malaysia, berikan beberapa pendapat tentang kesannya terhadap negara?



Rujukan

Dari Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas